

Tahap kesihatan individu penentu produktiviti

USIA bukan faktor penentu seseorang kekal produktif, sebaliknya psikologi dan kesihatan yang memberangsangkan menjadi pengukur tahap produktiviti pekerja. Statistik terkini menunjukkan tiga juta rakyat kita adalah warga tua, manakala Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meramalkan Malaysia cenderung menjadi negara tua menjelang 2035.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Zaid Ahmad, berkata ukuran umur biologikal dan kronologikal manusia berbeza kerana cara pengiraan umur biologikal bergantung pada usia, manakala umur kronologikal disebabkan tahap kesihatan diri.

Jelasnya, ada segelintir manusia kelihatan lebih muda berbanding usia, manakala yang lain pula kelihatan lebih matang disebabkan faktor kronologikal serta beberapa punca lain.

“Sebab itu ada kelihatan seperti awal 20-an sedangkan umur sudah mencecah penghujung 50-an. Pembawakan diri, langkah tangani tekanan, pemikiran positif serta

pergaulan dengan persekitaran serta kawalan kesihatan memainkan peranan penting dalam memperlihatkan umur kronologikal.

“Rangsangan peluasan industri makanan tambahan, kecanggihan bidang perubatan dan pengetahuan membabitkan makanan seimbang banyak membantu meningkatkan, sekali gus memajukan jangka hayat manusia,” katanya.

Berdasarkan petunjuk demografik Jabatan Perangkaan 2010, nisbah tanggungan umur tua merujuk nisbah bilangan penduduk berumur

65 tahun ke atas kepada bilangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun.

Dianggarkan, penduduk berusia bawah 15 tahun sebanyak 27.2 peratus, 15 hingga 64 tahun (68.1 peratus) dan 65 tahun ke atas (4.7 peratus) berbanding 2009 yang mendapati usia bawah 15 tahun (31.9 peratus), 15 hingga 64 tahun (63.6 peratus) dan 65 tahun ke atas (4.5 peratus).

Jangka hayat manusia dalam tempoh lima tahun menunjukkan lelaki bertahan sehingga usia 71.5 tahun pada 2006 dan 2007, meningkat 0.1 peratus pada 2008 (71.6 tahun), diikuti 71.7 tahun (2009) dan 71.7 tahun (2010).

Sementara itu, jangka hayat wanita pula diramalkan lima tahun ke hadapan melebihi lelaki dengan 76.3 tahun pada 2006 dan 2007, diikuti 76.4 tahun (2008), 76.5 tahun (2009) dan 76.6 tahun (2010).

“Peningkatan jumlah warga tua disebabkan dua faktor iaitu kemerosotan kesuburan dan jangka hayat yang meningkat. Seseorang boleh hidup lebih lama akibat perubahan sosioekonomi, kema-

juan serta pembangunan teknologi perubatan.

“Pada masa sama, institusi keluarga juga lebih cenderung untuk tidak punya ramai anak atas alasan meningkatnya jumlah wanita berkerjaya yang menghadkan anak bagi menikmati kualiti hidup lebih baik dan selesa. Jadi ada pro dan kontra apabila individu terus bekerja pada usia emas walaupun dia memang mampu bekerja,” katanya.

Berdasarkan analisis, Sabah dan Kelantan dianggarkan berpotensi sebagai pelopor nisbah penduduk tua dalam negara menjelang 2030 berikutan kadar pertumbuhan 75.8 peratus penduduk yang berumur antara 15 hingga 64 tahun di Sabah dan 60.1 tahun di Kelantan.

Ia diikuti 72.1 tahun di Labuan, 69.7 tahun (Selangor dan Pahang), 68.5 tahun (Kuala Lumpur), 68.8 tahun (Johor), 68.3 tahun (Pulau Pinang), 67.9 tahun (Negeri Sembilan), 67.6 tahun (Terengganu), 65.5 tahun (Sarawak), 64.9 tahun (Melaka), 64.8 tahun (Kedah), 64.4 tahun (Perlis) dan 64.3 tahun (Perak).

INFO

Jangka hayat rakyat Malaysia

■ Lelaki

| |
|-------------------|
| 2010 - 71.7 tahun |
| 2009 - 71.7 tahun |
| 2008 - 71.6 tahun |
| 2007 - 71.5 tahun |
| 2006 - 71.5 tahun |

■ Wanita

| |
|-------------------|
| 2010 - 76.6 tahun |
| 2009 - 76.5 tahun |
| 2008 - 76.4 tahun |
| 2007 - 76.3 tahun |